

**PBS PRESIDENT WELCOMING SPEECH  
7 NOV 2009  
AT SUTERA HARBOUR GRANDBALLROOM  
TO WELCOME PRIME MINISTER AND BN CHAIRMAN  
YAB DATO' SERI NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
ON THE OCCASION OF THE OFFICIAL OPENING OF  
PBS 24<sup>TH</sup> CONGRESS**

---

Pantun

Lautan bukan sebarang lautan  
Taufan bukan sebarang taufan  
Perubahan bukan sebarang perubahan  
Tetapi perubahan yang sungguh mengembirakan

1. Salam hormat, salam bersatu, dan salam 1Malaysia, kepada saudara saudari yang saya hormati sekalian, khususnya saya tujukan kepada YAB Datuk Seri Panglima Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, yang kita kasihi, berserta YABg Datuk Seri Panglima Rosmah Hj Mansoor, isteri tersayang kepada Perdana Menteri Malaysia.
  
2. Bagi pihak Parti Bersatu Sabah, saya juga mengalu-alukan kehadiran kawan-kawan kita, YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Hj Aman, selaku juga Ketua Penyelaras BN Negeri Sabah, Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah, Timbalan-Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah, YB Menteri-Menteri Kabinet Persekutuan dan Negeri, Ahli-Ahli Yang Berhormat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, Dif-Dif Kehormat, Presiden-Presiden, Ketua-Ketua serta Wakil-Wakil Komponen BN, yang turut serta bersama-sama kita pada

- malam ini, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Para-Perwakilan, Pemerhati, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati dan muliakan.
3. Kesudian YAB untuk melakukan perasmian Kongress PBS ke 24, walaupun dalam kesibukan agenda yang banyak, menunjukkan keprihatinan YAB atas kemajuan, kesejahteraan dan pembangunan Negeri Sabah, dan sekaligus memeriahkan lagi Perhimpunan Agung Perwakilan PBS! Kami akan terus berusaha memastikan sumbangan kami terhadap “Fixed Deposit” BN di Negeri Sabah akan terus berkekalan, malah akan bertambah baik lagi.
  4. Atas perkenan dan restu daripada Tuhan Yang MahaEsa, dan bagi pihak kita sekalian, saya memanjatkan syukur dan terima kasih kepadaNya. Semoga berkat dan restu daripada Tuhan Yang MahaBerkuasa akan terus berkekalan demi kemakmuran Negara Malaysia, dan juga Negeri Sabah.
  5. Seterusnya, dalam kesempatan ini, dan dengan segala hormatnya, saya menyampaikan ucapan syabas dan tahniah kepada YAB Datuk Seri Panglima Mohd Najib atas perlantikannya sekali lagi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke 6, dan atas beberapa langkah berani dan tepat beliau, menjuhu ke arah pencepaian pembetulan satu keluarga besar dalam Malaysia berlandaskan cogan kata: **“1Malaysia, Rakyat DiDahulukan dan Pencepaian DiUtamakan”**. Style beliau untuk rapat dan lebih dekat dengan Rakyat biasa adalah sangat memberangsangkan dan contoh yang terbaik

membuktikan bahawa YAB Perdana Menteri Malaysia kita sekarang lebih fokus dan lebih realistik!

6. Kita berterima kasih kerana YAB Datuk Seri Panglima Mohd Najib, sebagai Perdana Menteri baru kita, melakukan “tindakan cakap serupa bikin”, and is **“walking the talk!”**, dan telah memulakan langkah-langkah untuk **membawa perubahan yang besar ke arah aspirasi Rakyat** termasuklah di Negeri Sabah dan Sarawak. Saya masih ingat kehadiran dan lawatan pertama YAB sebagai Perdana Menteri pada 4 Mei, 2009, apabila menyampaikan ucapan dalam majlis makan malam telah menyatakan bahawa “kita (BN) mesti berubah, jika tidak Rakyat akan mengubah kita!” Sekarang ini. kita sedang menyaksikan perubahan demi perubahan yang baik kearah kesejahteraan Rakyat serta kemajuan Negeri Sabah dan Sarawak.
  
7. Selain daripada peruntukan yang besar yang diberikan kepada Negeri Sabah dan Sarawak, dan yang telah dimasukkan di dalam Bajet 2010 baru-baru ini, sensitiviti kita daripada segi **penekanan patriotisme** telah di sambut baik oleh, tiada lain tiada bukan, tetapi oleh YAB Perdana Menteri baru kita dengan kejutan yang amat menyenangkan, yang dibuat oleh beliau didalam Dewan Parlimen baru-baru ini, dengan **mengumumkan tarikh 16 September, 1963, sebagai HARI MALAYSIA!** Dan hari keramat itu adalah juga **dijadikan sebagai cuti awam kebangsaan!** Saya percaya semua pihak di Negara kita, terutama sekali di Negeri Sabah dan Sarawak, **menyambut baik deklarasi HARI MALAYSIA** ini, kerana ini

adalah hakikat yang benar yang telah berlaku, dan **ianya akan terus mengukuhkan perasaan PATRIOTISME Rakyat** Negeri Sabah dan Sarawak terhadap Negara gagasan 1Malaysia!

8. Para perwakilan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian sebelum saya meneruskan ucapan pada malam ini, izinkan saya pula untuk menyampaikan tiga rangkap pantun kepada YAB Dato' Seri:

Hari ini penuh bersejarah  
Mencatat satu peristiwa indah  
Sungguhnya PBS berasa bangga  
Menyambut kedatangan wira negara

Putrajaya dan negeri Sabah  
Sama cantik sama indah  
YAB Dato' Seri pasti sayangkan Sabah  
Sebab itulah PBS TETAP tabah untuk Sabah

Indah sungguh pulau Sipadan  
Pulau tercantik Negara Malaysia  
Mulia sungguh visi mu tuan  
Menyatupadu bangsa 1Malaysia

9. Terima kasih Perdana Menteri kerana walaupun dalam kesibukan untuk mentadbir negara dan memastikan nama negara tetap harum dan dihormati di mata dunia, YAB Dato' Seri masih dapat meluangkan kesempatan untuk datang ke Negeri Sabah untuk bersama-sama kami di sini. Terlebih lagi

bermakna kehadiran kali ini kerana merasmikan kongres PBS ke -24 sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kami amat berbesar hati dan ingin menyatakan bahawa PBS akan terus menyokong kepimpinan YAB Dato' Seri sebagai Perdana Menteri Malaysia dan sebagai pengerusi Barisan Nasional.

10. Dalam ucapan singkat ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara penting yang telah disuarakan oleh PBS di masa-masa yang lalu. Oleh kerana pertemuan sebegini tidaklah kerap maka saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berbicara secara terbuka dengan YAB Dato' Seri.
11. Namun sebelum itu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada YAB Dato Seri kerana, setelah memegang teraju kerajaan sejak April lalu, kita telah melihat **pelbagai inisiatif dan pembaharuan-pembaharuan dalam pentadbiran kerajaan**. Masalah rakyat yang mendesak di atasi, dasar kesamarataan diperbaharui, dan persoalan mengenai keadilan ditangani. Inilah Perdana Menteri yang ada pada kita sekarang. Hatinya jelas adalah untuk rakyat dan mahu melihat kebajikan rakyat dijaga semata-mata.
12. Saya turut **terdorong dengan Gagasan 1MALAYSIA yang diilhamkan sendiri oleh YAB Dato' Seri Perdana Menteri**. Wawasan yang terkandung dalam Gagasan ini amat bertepatan, strategik dan langkah berani seorang pemimpin yang mahu mempersatukan bangsanya demi mencapai matlamat kemajuan bersama.

13. **PBS menyambut baik bangkitan semangat Gagasan 1MALAYSIA ini dan terus memberi sokongan penuh** terhadap agenda yang ingin direalisasikan oleh pihak kerajaan yakni memperkasakan perpaduan dan kesepakatan kaum di negara ini. Saya turut diyakinkan bahawa hanyalah dengan **sikap hormat menghormati**, memahami dan menerima keunikan setiap kaum maka barulah kita dapat mengorak langkah seiring untuk mencapai matlamat yang diimpikan.
14. Daripada segi perpaduan kaum dan kesatuan yang dimaksudkan, perkara ini memanglah tidak asing lagi bagi Sabah dan Sarawak seperti yang diakui ramai. **Namun terdapat beberapa aspek lain yang masih perlu diberi perhatian dan penyelesaian serius daripada pihak kerajaan.** Andainya perkara-perkara ini tercapai ianya akan memberi impak positif yang besar kepada imej dan prestasi kerajaan dalam usahanya mencapai target Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).
15. Dalam ucapan **Bajet 2010** baru-baru ini, YAB Dato' Seri bagaimanapun telah menggariskan beberapa strategi yang sedikit sebanyak mampu memperbaiki keadaan sedia ada sekiranya berjaya dilaksanakan oleh agensi-agensi dan kementerian-kementerian yang terlibat. Apa yang saya maksudkan ialah pengumuman kerajaan untuk mencapai target dibawah NKRA meluaskan lagi akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan serta memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman.

16. Dengan peruntukan berjumlah kira-kira 30 billion untuk tahun hadapan, kerajaan berharap dapat membantu untuk memperbaiki kualiti pendidikan di negara ini, terutamanya sekolah-sekolah dan pelajar di luar bandar dan pedalaman Negeri Sabah dan Sarawak. Saya gembira apabila mengetahui bahawa sejumlah 2.8 billion daripada peruntukan tadi akan digunapakai untuk program bantuan pelajar dan biasiswa. Saya berharap agar pelajar yang benar-benar memerlukan bantuan di bawah program ini dapat dikenal pasti dengan seadilnya.
  
17. Saya juga ingin merakamkan syabas tahniah dan terima kasih kerana di bawah peruntukan ini iaitu kira-kira RM1.6 bilion akan dipakai oleh kerajaan untuk membina sekolah-sekolah yang diperlukan, termasuk sekolah-sekolah menengah di Negeri Sabah yang masih menumpang. Saya turut berharap agar pembaikan sekolah-sekolah daif di luar bandar dan pedalaman Sabah akan terus diambil serius. Saya yakin dengan peruntukan RM1.6 billion yang disebutkan dapat mengurangkan masalah berkaitan penambahbaikan dan penaiktarafan sekolah-sekolah di Sabah termasuk Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Mubaligh di negeri ini.
  
18. **Adalah wajar, bertepatan dan relevan sekali pihak kerajaan menjadikan pendidikan sebagai salah satu indeks yang mana pencapaian, keberkesanan serta standardnya diukur dan dipantau.** Proses memperbaiki standard dan kualiti pendidikan di Negeri Sabah dan juga Sarawak masih merupakan kesukaran yang besar. Ianya memerlukan komitmen dan kesungguhan politik (*political will*) daripada pihak

kerajaan untuk benar-benar memperbaiki keadaan yang ada sekarang ini. Saya gembira kerana mula melihat bahawa **keimpinan kita di Persekutuan semakin menyedari** hal ini dan cuba melakukan yang terbaik agar permulaan yang baik dalam sektor ini dapat dilihat jelas berlaku. Oleh sebab itu, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada YAB Dato' Seri.

19. Seperti yang YAB Dato' Seri sedia maklum, masalah yang wujud di Negeri Sabah merupakan masalah pelbagai yang saling berkait rapat, misalnya, ketiadaan kemudahan asas yang sempurna seperti jalan raya, elektrik, bekalan air bersih dan jaringan telekomunikasi. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kekurangan pelbagai perkhidmatan yang baik dan kedaifan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman negeri Sabah.

YAB Dato' Seri,

20. Jurang yang kita perkatakan di sini bukan sahaja jurang pendidikan di antara bandar dan luar bandar, tetapi juga jurang pendidikan di antara wilayah Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. **Selaku pemimpin yang berdiri bersama pemimpin-pemimpin lain di negeri ini, saya sangat menanti-nantikan dengan penuh harapan pencepaian dimana kita dapat merealisasikan impian 1MALAYSIA ini.**
21. Seperti juga saudara-saudari sekalian dalam dewan ini, saya mahu melihat agar semua rakyat di bumi Malaysia ini

menerima layanan yang sama rata, diberi kemudahan pendidikan yang sama baik seperti negeri-negeri lain di negara ini supaya satu hari nanti kita boleh tersenyum bersama dan merasa kesaksamaan itu **ibarat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi.**

22. Sementara itu, sasaran kerajaan untuk menambahbaik infrastruktur di luar bandar dan pedalaman khususnya di Negeri Sabah merupakan khabar gembira yang juga dinanti-nantikan. Pada masa ini, jaringan jalanraya yang menghubungkan antara daerah di negeri ini masih tidak mencukupi.
23. Bajet 2009 mengumumkan peruntukan sebanyak RM2.3 bilion untuk membina dan menaik taraf infrastruktur di kawasan luar bandar. Saya memahami bahawa keperluan yang kita angkat ini tidak dapat diselesaikan sekaligus, namun, dalam kesempatan ini saya ingin menyampaikan pandangan bahawa **keperluan** untuk menseimbangkan kemudahan prasarana di luar bandar negeri Sabah adalah banyak dan amat mendesak. Oleh itu, saya amat mengharapkan agar bayangan dan lambayan rakyat di negeri Sabah yang meminta tolong tetap masih kuat di hati YAB Dato' Seri dan, justru, mereka meminta **agar dalam RMK-10 nanti, negeri Sabah bersama negeri Sarawak terus diberikan perhatian yang berat dan serius.**
24. Dalam ucapan Bajet yang sama, kerajaan turut menyebut sejumlah RM825 juta untuk menyediakan bekalan elektrik kepada 30 ribu buah rumah, dan yang saya percaya dapat membantu menyelesaikan sedikit sebanyak masalah bekalan

elektrik di negeri Sabah. Penyediaan bekalan air juga telah menerima peruntukan sebanyak 530 juta dan saya yakin ini adalah antara langkah kerajaan untuk menyelesaikan sebahagian daripada masalah yang ada.

25. **Saya perakui bahawa keadaan serba kurang dan serba daif di negeri ini memerlukan kerjasama semua pihak. Oleh itu, PBS sedia bekerjasama untuk membantu memikul peranan yang diberikan oleh kerajaan bagi memastikan kebajikan rakyat di luar bandar terbela.**
  
26. Satu lagi perkara penting yang diberi penekanan oleh pihak kerajaan ialah **program untuk memperbaiki taraf hidup golongan berpendapatan rendah di negara ini.** Saya menghargai komitmen pihak kerajaan untuk mencapai matlamat sifar kemiskinan tegar pada tahun 2010. Semua program yang telah digariskan oleh kerajaan kelihatan realistik dan cantik. Saya hanya berharap agar proses penyampaian program-program ini lancar dan **sampai kepada rakyat golongan sasaran.**
  
27. Di negeri Sabah, selain daripada golongan miskin, **golongan wanita dan belia** adalah golongan yang mempunyai potensi yang tinggi dan berguna, dan harus dibimbing dengan lebih teratur. Agensi-agensi dibawah kerajaan negeri boleh bekerjasama dengan agensi daripada persekutuan untuk melaksanakan program-program pembangunan ekonomi yang telah dikenal pasti dan bersesuaian.

28. Satu daripada bidang yang boleh diterokai ialah bidang pertanian. Kebanyakan isirumah, termasuk belia di luar bandar, mempunyai modal tanah sekurang-kurangnya satu ekar. Konsep '**contract farming**' boleh diterokai untuk sesuatu tanaman yang boleh mendatangkan hasil minimum kepada pengusaha. **Sumbangan kerajaan** ialah dalam bentuk penyediaan kepakaran, khidmat nasihat dan teknologi yang boleh digunapakai serta terus menyediakan bantuan pemasaran.

YAB Dato' Seri,

29. Saya juga ingin **menyentuh mengenai masalah pendatang tanpa izin (PTI) di negeri Sabah yang telah berlarutan dan tidak terlepas dari perhatian ramai sekian lama**. Adalah jelas bahawa kita **memerlukan penyelesaian mutlak** terhadap masalah ini. Setakat ini belum ada penyelesaian yang konkrit dan tindakan yang serius untuk mengatasi masalah PTI di negeri Sabah. Tindakan penyelesaian yang diambil sebelum ini hanyalah bersifat sementara dan tidak berterusan.

30. Kita masih melihat PTI berkeliaran di kawasan bandar dan juga luar bandar. Mereka bersikap seolah-olah negeri Sabah adalah tanah air mereka sendiri. Tidak kurang juga dalam bidang-bidang perniagaan yang telah diambil alih oleh golongan ini termasuk bersaing untuk merebut peluang pekerjaan orang tempatan di negeri ini.

31. PBS memahami keperluan pekerja asing di sektor pembinaan dan perladangan tetapi apa yang **tidak kita setuju ialah pengambilan pekerja yang tidak diambil secara sah**. Oleh itu saya ingin memohon jasa baik YAB Dato' Seri mengambil langkah-langkah yang terbaik bagi menyelesaikan masalah ini **'once and for all'**. Saya **mencadangkan penubuhan satu jawatankuasa khusus** yang melibatkan tidak kurang daripada tiga anggota kabinet negeri Sabah supaya kelihatan bahawa kita benar-benar serius untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah PTI ini.
32. Satu-satunya masalah besar di Negeri Sabah di mana semua komponen BN termasuk pembangkang akan turut menyokong ialah penyelesaian terhadap PTI. Saya turut **mencadangkan** agar kita dapat memuktamadkan satu tempoh masa iaitu pada **2012 untuk menyelesaikan masalah ini**. Saya amat-amat yakin bahawa semua pihak rela berganding tangan demi untuk menjayakan misi ini.

YAB Dato' Seri

33. Sebelum saya mengundur diri, izinkan saya untuk menyentuh seperkara lagi berkenaan dengan nasionalisasi perkhidmatan awam persekutuan (**nationalisation of the federal civil service**). Saya memohon kepada YAB Dato' Seri PM selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Hal Ehwal Pembangunan Negeri Sabah dan Sarawak agar dapat meneliti dan memberikan perhatian yang serius terhadap perkara ini.

34. **Sudah tiba masanya** penjawat-penjawat awam dari Negeri Sabah dan Sarawak, yang berkelayakan, untuk ditempatkan sebagai ketua-ketua jabatan di kementerian dan agensi-agensi penting kerajaan persekutuan seperti di EPU (Economic Planning Unit), Kewangan, Pelajaran, Kementerian Luar Negara, ICU dan lain-lain. Kementerian atau agensi-agensi penting ini **seharusnya melantik bilangan minimum** pegawai-pegawai awam berkaliber daripada kedua-dua negeri. Perlantikan ini amat penting bagi memastikan input-input penting dan sumbangan-sumbangan idea daripada kedua-dua negeri, terutamanya yang berkaitan dengan program pembangunan, dapat disesuaikan mengikut keperluan di kedua-dua negeri berkenaan.

YAB Dato' Seri,

35. Kami di dalam **PBS turut merasa gembira dengan pencapaian- pencapaian selama YAB Perdana Menteri mengambil alih teraju kerajaan.** Harapan kita semua ialah agar keadaan ini berterusan dan akan terus menyumbang kepada kestabilan dan kekukuhan ekonomi negara, sekaligus memulihkan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional.
36. Dengan kata-kata demikian, sekali lagi, bagi pihak kita sekalian, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Dato' Seri kerana telah sudi bersama dengan kita dan terus melakukan perasmian Kongress Parti Bersatu Sabah (PBS) kali yang ke 24 pada malam ini.

Warga Desa Warga Kota  
Meletak harapan di bahu kita  
Kini Harapan sudah dinyatakan  
Mohon sekali dapat dikota

Kalau ada sumur di ladang  
Boleh kita menumpang mandi  
Kalau ada umur yang panjang  
Boleh kita berjumpa lagi

Kalau ada jarum yang patah  
Jangan simpan di dalam peti  
Kalau ada silap dan salah  
Jangan simpan di dalam hati

Dengan itu, saya menjemput saudara saudari sekalian berdiri untuk menunjukkan semangat perjuangan bersama dan perpaduan kita dengan menyuarakan tiga kali: BERSATU! BERSATU! BERSATU! SATU MALAYSIA!

Terima kasih.

Seterusnya, saya mempersilakan YAB Datuk Seri Panglima Perdana Menteri Malaysia, dan Pengerusi BN untuk menyampaikan amanat beliau.

YAB, dipersilakan!